

13/08/2002

MERS lega dapat sokongan ke Herez

Mohd Ali Majid

PERSATUAN Sukan Berkuda Lasak (MERS) lega berikutan sumbangan tajaan berjumlah RM110,000 yang diterima untuk menghantar pasukan negara bersaing di Kejohanan Sukan Berkuda Lasak Dunia 2002 di Herez, Sepanyol pada 13-17 September depan.

Tajaan itu datangnya dari Syarikat Permanis Berhad sebanyak RM50,000, Master Card International (RM50,000) dan Syarikat Penerbangan Air Asia sebanyak RM10,000.

Ia diserahkan dalam satu upacara ringkas penyerahan bendera Jalur Gemilang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada ketua pasukan, Datuk Kamaruddin Ghani di Kejohanan Sukan Berkuda Antarabangsa 100 Tahun Kelab Polo dan Menunggang Selangor (SPRC) di Ampang Hilir, kelmarin .

"Kami berterima kasih kepada semua penaja berkenaan kerana mengurangkan beban yang kami tanggung untuk menghantar pasukan ke kejohanan dunia itu," kata pengurus pasukan, Hamdan Mohamad.

Katanya, wang tajaan itu membolehkan pihaknya menghantar lima ekor kuda kepunyaan peserta yang akan mewakili negara di kejohanan itu.

Malaysia akan diwakili oleh Datuk Kamaruddin Abdul Ghani sebagai ketua pasukan, Dr Nik Isahak Wan Abdullah, Puan Norlaili Bunyamin dan Lawrence Liew Hong Huat dari Sabah.

Menurut Hamdan yang juga pengurus pasukan negara, ekuin negara sudah bersedia menghadapi saingan pada kejohanan kedua yang disertai oleh Malaysia selepas kejohanan 1998 di Dubai dan Malaysia ketika itu diwakili Datuk Kamaruddin dan Dr Nik Isahak.

Katanya menjelang kejohanan itu, ekuin berkenaan akan menyertai Kejohanan Menunggang Lasak Merdeka di kawasan Sungai Buloh pada 1 September.

Sementara itu Dr Nik Isahak turut mengucapkan terima kasih kepada pihak Petronas yang turut memberi sumbangan kepadanya untuk menyertai kejohanan ini buat kali kedua.